



**GARIS PANDUAN  
PEMBIAYAAN YURAN PENERBITAN  
ARTIKEL JURNAL TERINDEKS  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
(PINDAAN 2024)**

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Garis Panduan Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel Jurnal Terindeks ini diwujudkan sebagai panduan kepada staf akademik/penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam mengemukakan permohonan pembiayaan yuran penerbitan (*APC*) dan *proofread* bagi menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks di pangkalan data WoS/Scopus.
- 1.2 Pembiayaan ini merupakan satu inisiatif universiti dalam membantu dan menggalakkan staf akademik/penyelidik UMT menghasilkan penerbitan dalam artikel jurnal yang berkualiti.
- 1.3 Hasil penerbitan artikel jurnal turut membantu dalam pencapaian penyelidikan melalui penilaian ***Malaysia Research Assessment (MyRA)*** dan ***QS/THE University Ranking***.

## 2. SYARAT KELAYAKAN DAN KADAR BANTUAN

- 2.1 Permohonan terbuka kepada semua staf akademik UMT yang aktif (*merujuk kepada Glosari MyRA*).
- 2.2 Permohonan pembiayaan hanya boleh dimohon oleh ***corresponding author*** sahaja untuk artikel berkenaan.
- 2.3 Permohonan oleh staf akademik/penyelidik yang mempunyai **peruntukan pembayaran** yuran penerbitan di dalam ***projek penyelidikan aktif*** tidak akan diterima.
- 2.4 Pembiayaan yuran penerbitan adalah terhad sebanyak **kumulatif RM20,000.00** bagi seorang pemohon(***corresponding author***) bagi tahun semasa.
- 2.5 Kadar maksimum bantuan pembiayaan yuran penerbitan termasuk *proofread* adalah seperti **Jadual 1**.

<b>KATEGORI</b>	<b>KADAR MAKSIMUM PEMBIAYAAN</b>	
	<b>QUARTILE</b>	<b>ARTIKEL JURNAL</b>
WoS (JCR Q1)	RM 6,000.00	RM 8,000.00
WoS (JCR Q2)	RM 4,000.00	RM 6,000.00
WoS (JCR Q3/Q4)	RM 2,000.00	RM 4,000.00
Scopus (CSR Q1/Q2)	RM 2,000.00	RM 4,000.00
Scopus (CSR Q3/Q4)	RM 500.00	-

**Jadual 1: Kadar Maksimum Bantuan Pembiayaan Yuran Penerbitan termasuk *Proofread***

- 2.6 Peruntukan sebanyak 75% daripada dana APC akan diberikan kepada artikel yang diterbitkan dalam jurnal WoS Q1/Q2 (yang juga disenaraikan di dalam Scopus) atau dalam jurnal yang disenaraikan di dalam bidang nic UMT berdasarkan kepada *Subject Area Scopus (Scival)* iaitu:
  - *Agricultural and Forestry*
  - *Earth and Marine Science*

- 2.7 Kategori *Quartile* bagi jurnal yang disenaraikan di dalam Scopus adalah merujuk kepada *Cite Score Rank* (CSR). Manakala senarai jurnal di dalam *Journal Citation Reports (JCR)* digunakan untuk menentukan *Quartile* jurnal yang disenaraikan di dalam WoS.
- 2.8 *Quartile* yang digunakan untuk jurnal yang tersenarai dalam CSR dan JCR adalah berdasarkan nilai *Quartile* dua (2) tahun ke belakang. Sebagai contoh, penerbitan pada CSR/JCR tahun 2022 akan menggunakan CSR/JCR tahun 2020 bagi menentukan *Quartile* jurnal tersebut.
- 2.9 Bagi artikel jurnal terindeks dalam WoS, jurnal tersebut perlulah sama ada tersenarai dalam *Science Citation Index Expanded (SCIE)*, *Social Sciences Citation Index (SSCI)* atau *Arts & Humanities Citation Index (AHCI)*.
- 2.10 Permohonan pembiayaan jurnal yang dibolehkan adalah merangkumi yuran penerbitan artikel dan juga bayaran *proofread* bagi artikel yang diterima (*accepted*) atau telah diterbitkan pada **tahun semasa peruntukan sahaja**.
- 2.11 Jumlah permohonan pembiayaan yuran penerbitan dan *proofread* mestilah tidak melebihi kadar nilai maksimum di **Jadual 1**.
- 2.12 Tuntutan untuk bayaran kepada perkhidmatan *guest editor* atau ejen jurnal di mana artikel tersebut diterbitkan adalah **tidak dibenarkan**. Sekiranya pemohon mengemukakan permohonan tersebut, hanya bayaran bagi yuran penerbitan dan *proofread* sahaja akan dipertimbangkan.
- 2.13 Sekiranya jurnal yang sama tersenarai di dalam kedua-dua indeks WoS/Scopus, maka kadar **yang lebih tinggi** akan digunakan. Sebagai contoh, sekiranya Jurnal A disenaraikan di dalam WoS (JCR Q1) dan juga Scopus (CSR Q1/Q2), maka kadar maksimum yang dibenarkan adalah RM6,000.00 (berdasarkan kategori WoS (JCR Q1)).
- 2.14 Permohonan pembiayaan jurnal tidak akan dipertimbangkan untuk pembiayaan kaedah *open access* sekiranya jurnal tersebut mempunyai pilihan penerbitan tanpa bayaran.
- 2.15 Pemohon dikehendaki mengemukakan bukti yang bersesuaian bahawa *open access* merupakan cara penerbitan tunggal untuk jurnal tersebut.

### **3. KAEDAH DAN PROSEDUR PERMOHONAN**

- 3.1 Pemohon perlu melengkapkan Borang Permohonan Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel Jurnal seperti di **Lampiran 3**. Permohonan boleh dibuat melalui dua kaedah ;
- 3.1.1 **Tuntutan Bayaran Balik-** Pemohon membuat pembayaran kepada pihak Penerbit Jurnal dan menuntut jumlah bayaran tersebut daripada pihak Pejabat Pengurusan Penyelidikan (PPP).
  - 3.1.2 **Pembayaran Terus-** Pihak Bendahari UMT membuat pembayaran kepada Pihak Penerbit Jurnal (*mohon rujuk klaus 5.1*)
- 3.2 Permohonan perlu disertakan dengan dokumen berikut:
- 3.2.1 Bukti penerimaan penerbitan artikel seperti emel atau surat oleh penerbit jurnal berkaitan.
  - 3.2.2 Bukti jurnal disenaraikan di dalam pangkalan data WoS/Scopus.
  - 3.2.3 Salinan artikel yang telah diterima atau diterbit.
  - 3.2.4 Salinan invois daripada pembekal (*mengandungi jumlah bayaran dan alamat bank pembekal*)
  - 3.2.5 Borang Arahan Tuntutan Bayaran Balik (*BEND 307- untuk tujuan tuntutan sahaja*)
  - 3.2.6 Bukti pembayaran yuran penerbitan kepada penerbit jurnal (*untuk tujuan tuntutan sahaja*).

- 3.2.7 Surat penjelasan kelewatan menghantar permohonan ke PPP sekiranya tuntutan **melebihi dua (2) bulan** selepas pembayaran dilakukan.
- 3.3 Permohonan yang lengkap perlu dihantar ke PPP untuk semakan dan kelulusan.
- 3.4 Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan ke pemohon.

#### 4. PEMANTAUAN

- 4.1 Permohonan yang telah diluluskan dan dibiayai akan disemak status penerbitan di dalam pangkalan data WoS/Scopus pada tahun berikutnya, sekiranya artikel tersebut tiada di dalam pangkalan data, pemohon perlu membayar balik pembiayaan yang telah dibuat.

#### 5. PEMATUHAN PEMBAYARAN BALIK

- 5.1 Permohonan yang dihantar melalui kaedah pembayaran terus dan jumlah yuran penerbitan termasuk *proofread* **melebihi** kadar maksimum yang ditetapkan, maka pemohon perlu membayar balik lebihan bayaran tersebut kepada pihak Bendahari melalui kaedah berikut :
- 5.1.1 **Pemindahan wang (fund transfer)** - dalam tempoh dua (2) bulan daripada tarikh surat arahan bayaran oleh PPP melalui cara pembayaran seperti dinyatakan dalam klausula 6.1.
  - 5.1.2 **Geran penyelidikan** - perlu dinyatakan bayaran APC di dalam *proposal* dan dijelaskan dalam tempoh dua (2) bulan daripada tarikh surat arahan bayaran oleh PPP.
  - 5.1.3 **Pemotongan gaji** - maksimum tiga (3) bulan sahaja dibenarkan bermula bulan surat arahan bayaran oleh PPP.
- 5.2 Bagi kaedah 5.1.1 dan 5.1.2, pemohon perlu menghantar bukti surat atau resit pembayaran kepada pihak Bendahari dan PPP sekiranya pembayaran balik lebihan telah dibuat. Pemotongan gaji akan **dilakukan secara automatik** ke atas pemohon yang tidak membuat bayaran balik dalam tempoh yang ditetapkan.

#### 6. PEMBAYARAN BALIK MELALUI PEMINDAHAN WANG

- 6.1 Pemohon membuat pembayaran lebihan bayaran balik kepada Bendahari UMT melalui maklumat berikut :

Nama Penerima	Universiti Malaysia Terengganu
Nama Bank	CIMB Islamic Bank Berhad
Nombor Akaun	86-0175174-2
Alamat Bank	Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu, Lot 3083, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu

- 6.2 Pemohon menghantar bukti pembayaran kepada pihak Bendahari melalui emel **e- terimaan@umt.edu.my** dan kepada urusetia PPP.

**DISEDIAKAN OLEH :**

Pejabat Pengurusan Penyelidikan  
Universiti Malaysia Terengganu  
Kemaskini Disember 2023